



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60
No. 6

17hb Mac 2016

TAMBAHAN No. 4
PERUNDANGAN

J. P.U. 12.

شمهوران

اوليه دولي يغمها موليا سلطان ابراهيم ابني المرحوم سلطان اسكندر، سلطان
يغذرتوان باكي نكري دان ججهن تعلقو جوهر دارالتعظيم.

موهر كراجان

سلطان ابراهيم
(تندا تاغن راج)

بهواسن دفرونتوكن اوليه قچاهن فصل (2) فصل 23 دالم بهاكين كدوا اوندغ-اوندغ
توبوه كراجان 1895 بهاوا راج بوليه منغوهكن ديوان نكري.

دان بهواسن اداله واجر دان سسواي قغكل كتيك ديوان نكري يغتتيك بلس يث
دمولاكن قد 7 مي 2015 دتغوهكن قد 31 مچ 2016.

مك اوليه يگدمكين، كيت، ابراهيم، سلطان يقدرتوان باكي نكري دان ججاهن
 تعلقو جوهر دارالتعظيم، قد منجالنكن كواس-كواس يقدبريكن كقد كيت سباكايما
 يث ترسبوت دأتس دغن اين منغكوهكن ديوان نكري جوهر دارالتعظيم مولا ي درقد 31
 مچ 2016.

دكورنياكن داستان كيت دبو كيت سيرين، جوهر بهارو قد 6 هاريبولن مچ 2016.

يغمنجونجوغ تيته

محمد خالد بن نوردين

منتري بسر جوهر

PEMASYHURAN

OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN IBRAHIM IBNI
 ALMARHUM SULTAN ISKANDAR, SULTAN YANG DIPERTUAN BAGI
 NEGERI DAN JAJAHAN TAKLUK JOHOR DARUL TA'ZIM.

(MOHOR KERAJAAN)

SULTAN IBRAHIM
 (TANDATANGAN RAJA)

BAHAWASANYA diperuntukkan oleh Pecahan Fasal (2) Fasal
 23 dalam Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895
 bahawa Raja boleh MENANGGUHKAN Dewan Negeri.

DAN BAHAWASANYA adalah wajar dan sesuai Penggal Ketiga
 Dewan Negeri Yang Ketiga Belas yang dimulakan pada 7 Mei
 2015 ditangguhkan pada 31 Mac 2016.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, KITA, IBRAHIM, Sultan Yang
 Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, pada
 menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada KITA sebagaimana
 yang tersebut di atas DENGAN INI MENANGGUHKAN Dewan
 Negeri Johor Darul Ta'zim mulai daripada 31 Mac 2016.

Dikurniakan di Istana KITA di Bukit Serene, Johor Bahru pada 6 haribulan Mac 2016.

Yang Menjunjung Titah

MOHAMED KHALED BIN NORDIN
Menteri Besar, Johor

PROCLAMATION

BY HIS MAJESTY SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR, SULTAN SOVEREIGN RULER OF THE STATE AND TERRITORY OF JOHORE DARUL TA'ZIM.

(STATE SEAL)

SULTAN IBRAHIM
(RULER'S SIGN MANUAL)

WHEREAS it is provided by Clause (2) of Article 23 of the Second Part of the Law of the Constitution of 1895 that the Ruler may PROROGUE the Legislative Assembly.

AND WHEREAS it is desirable and convenient that the Third Session of Thirteen Legislative Assembly which commenced on 7 May 2015 shall prorogue on 31 March 2016.

NOW THEREFORE, WE, IBRAHIM, Sultan Sovereign Rulers of the State and Territory of Johore Darul Ta'zim, in exercise of the powers conferred upon US as aforesaid DO HEREBY PROROGUE the said Legislative Assembly with effect from 31 March 2016.

Given at our Istana Bukit Serene, Johore Bahru this 6 day of March 2016.

By His Majesty's Command

MOHAMED KHALED BIN NORDIN
Menteri Besar, Johore

J. P.U. 13.

شمشهوران

اوليه دولي يغمها موليا سلطان ابراهيم ابني المرحوم سلطان اسكندر، سلطان
يغدقرتوان باكي نكري دان ججاهن تعلقو جوهر دارالتعظيم.

سلطان ابراهيم

(تندا تاغن راج)

موهر كراچان

بهواسن دقراونتوقن اوليه قچاهن فصل (1) فصل 23 دالم بهاكين كدوا اوندغ-اوندغ
توبوه كراچان 1895 بهاوا راج هندقله دري ساتو ماس كساتو ماس ممغكيل ديوان
نكري مгадаکن مشوارتن:

مك اوليه يغمكين، كيت، ابراهيم، سلطان يغدقرتوان باكي نكري دان ججاهن
تعلقو جوهر دارالتعظيم قد منجالنكن كواس-كواس يغبيريكن كقد كيت سباكايمنايغ
ترسبوت داتس دغن اين ممغكيل ديوان نكري اونتوق برمشارت دان منتقن 14 افريل
2016 جم 9.30 قانكي سباكاي تاريخ دان وقتو باكي مشاورت قرتام قغكل كامقت
ديوان نكري كتيك بلس. قرسميان اكن دادكن ديوان قرسيداغن ديوان نكري، جالن
بوکیت تیمبالن، جوهر بهارو. باكي هاري-هاري قرسيداغن برايکوتن اکن دادکن
ديوان قرسيداغن ديوان نكري، کوتا اسکندار، اسکندار قوتري، جوهر.

دکورنيانکن داستان کیت دبوکیت سيرين، جوهر بهارو قد 6 هاريبولن مچ 2016.

يغمنجونجوغ تيته

محمد خالد بن نوردين
منتري بسر جوهر

PEMASYHURAN

OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR, SULTAN YANG DIPERTUAN BAGI NEGERI DAN JAJAHAN TAKLUK JOHOR DARUL TA'ZIM.

(MOHOR KERAJAAN)

SULTAN IBRAHIM
(TANDATANGAN RAJA)

BAHAWASANYA diperuntukkan oleh Pecahan Fasal (1) Fasal 23 dalam Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 bahawa Raja hendaklah dari satu masa ke satu masa memanggil Dewan Negeri mengadakan mesyuaratnya:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, KITA, IBRAHIM, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada KITA sebagaimana yang tersebut di atas DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan MENETAPKAN 14 April 2016 jam 9.30 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Ketiga Belas. Perasmian akan diadakan di Dewan Persidangan Dewan Negeri, Jalan Bukit Timbalan, Johor Bahru. Bagi hari-hari Persidangan berikutnya akan diadakan di Dewan Persidangan Dewan Negeri, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor.

Dikurniakan di Istana KITA di Bukit Serene, Johor Bahru pada 6 haribulan Mac 2016.

Yang Menjunjung Titah

MOHAMED KHALED BIN NORDIN
Menteri Besar, Johor

PROCLAMATION

BY HIS MAJESTY SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM
SULTAN ISKANDAR, SULTAN SOVEREIGN RULER OF THE
STATE AND TERRITORY OF JOHORE DARUL TA'ZIM.

(STATE SEAL)

SULTAN IBRAHIM
(RULER'S SIGN MANUAL)

WHEREAS it is provided by Clause (1) of Article 23 of the Second Part of the Law of the Constitution of 1895 provided that the Ruler shall from time to time summon the Legislative Assembly;.

NOW THEREFORE, WE, IBRAHIM, Sultan Sovereign Rulers of the State and Territory of Johore Darul Ta'zim, in exercise of the powers conferred upon US as aforesaid DO HEREBY SUMMON the Legislative Assembly and APPOINT 14 April 2016 at 9.30 in the morning as the date and time for First Meeting of the Fourth Session of the Thirteen Legislative Assembly. Opening ceremony on the first day to be held in Conference Hall of the Legislative Assembly, Jalan Bukit Timbalan, Johore Bahru. For the rest of the meeting session to be held in Conference Hall of the Legislative Assembly, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johore.

Given at our Istana Bukit Serene, Johore Bahru this 6 day of March 2016.

By His Majesty's Command

MOHAMED KHALED BIN NORDIN
Menteri Besar, Johore

J. P.U. 14.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1970
UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM
(MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 73(1)(j), seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Pasir Gudang, membuat dan menurut seksyen 103 akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Pasir Gudang) 2016** dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Pasir Gudang;

“tandas awam” ertinya apa-apa bangunan, bilik atau ruang yang dibina yang mana orang-orang awam boleh pergi untuk membuang air besar, air kecil atau untuk mencuci dirinya; dan

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan tugas jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Setiausaha dan mana-mana Pegawai yang diberi kuasa.

Larangan

3. Mana-mana orang yang berada dalam mana-mana tandas awam dilarang—

(a) Melakukan perbuatan membuang sampah, meludah, membuang air kecil atau air besar di atas lantai atau merata-rata tempat melainkan di dalam bekas yang disediakan bagi maksud masing-masing;

(b) membiarkan paip air terbuka selepas menggunakannya sama ada bekalan air sedang mengalir atau sebaliknya;

(c) merosakkan, memindahkan atau mengambil apa-apa peralatan yang disediakan di dalam tandas;

- (d) mengotorkan, melukis, menconteng, menampal, mengopek, menanggalkan bahan atau mengecat apa-apa di atas dinding, lantai, siling atau di mana-mana kelengkapan yang disediakan di dalam tandas awam;
- (e) berperangai tidak senonoh atau tidak sopan;
- (f) meninggalkan mangkuk tandas dengan kekotoran atau tidak memancarkan air selepas menggunakannya;
- (g) menggunakan alat perakam gambar untuk merakam gambar di dalam tandas awam tanpa kebenaran Majlis; atau
- (h) membawa apa-apa binatang ke dalam tandas awam.

Syarat-syarat penggunaan tandas awam

4. (1) Tiada seorang pun yang boleh membasuh apa-apa pakaian atau meninggalkan pakaian untuk dikeringkan di dalam tandas awam.

(2) Tiada seorang pun yang boleh menyalakan api, memasak makanan, makan atau tidur di dalam tandas awam.

(3) Tiada seorang pun yang boleh mencuci makanan, perkakas pinggan mangkuk atau apa-apa bekas di dalam tandas awam.

(4) Tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana tandas awam sebagai tempat untuk menyimpan barang-barang.

(5) Tiada suatu perniagaan atau dagangan boleh diuruskan dalam mana-mana tandas awam.

(6) Tiada sesiapa dibenarkan mandi di dalam mana-mana tandas awam kecuali kemudahan mandi disediakan.

(7) Tiada sesiapa dibenarkan mengambil bekalan air di tandas awam.

(8) Mana-mana orang yang menggunakan tandas awam hendaklah mengepam setiap kali penggunaan tandas.

Kuasa untuk mengarahkan orang keluar

5. Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh diarah keluar dari tandas awam oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberikan kuasa olehnya.

Kewajipan penerima pajak

6. (1) Sekiranya mana-mana tandas awam dipajak, penerima pajak atau orang yang menjaga tandas awam itu hendaklah membersihkan dan menerangi tandas itu sehingga memuaskan hati Yang Dipertua.

(2) Penerima pajak atau orang yang menjaga mana-mana tandas awam hendaklah menyebabkan supaya sesalinan Undang-Undang Kecil ini yang ditulis dengan nyata dalam bahasa kebangsaan dipamerkan secara berterusan di tempat yang boleh dilihat dan dibaca di dalam tandas awam itu.

(3) Penerima pajak tidak boleh menghalang mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua untuk memeriksa kebersihan tandas pada bila-bila masa.

Tandas berasingan untuk berlainan jantina dan orang kurang upaya

7. (1) Hendaklah diperuntukkan tandas awam yang berasingan untuk jantina yang berlainan dan hendaklah ditandakan dengan tanda-tanda yang bersesuaian.

(2) Tiada seorang pun boleh memasuki atau menggunakan tandas bagi jantina yang berlainan.

(3) Hendaklah diperuntukkan satu tandas khas bagi pengguna orang kurang upaya berlainan jantina.

Caj

8. Caj yang boleh dikenakan bagi penggunaan mana-mana tandas awam adalah sebagaimana Jadual. Mana-mana orang yang gagal membayar caj yang ditetapkan adalah melakukan kesalahan.

Penalti

9. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

Pemansuhan

10. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) apabila Undang-Undang Kecil ini mula berkuatkuasa, Undang-Undang Kecil Tandas Awam Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang yang telah diwartakan melalui J.P.U. 7 Tahun 2003 (selepas ini disebut Undang-Undang Kecil Termansuh) hendaklah terhenti berkuat kuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan.

(2) Walau apapun yang dinyatakan dalam perenggan (1)–

(a) tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau dihukum di bawah Undang-Undang Kecil Termansuh sebelum mula berkuatkuasanya Undang-Undang Kecil ini;

- (b) apa-apa prosiding di bawah Undang-Undang Kecil Termansuh yang belum diputuskan sebelum mula berkuatkuasanya Undang-Undang Kecil ini hendaklah diputuskan di bawah Undang-Undang Kecil Termansuh seolah-olah Undang-Undang Kecil ini tidak dibuat;
- (c) apa-apa lesen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil Termansuh hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa sehingga tamat tempoh baginya ia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan mana-mana peraturan dan boleh dibatalkan di bawah dan mengikut Undang-Undang Kecil ini; dan
- (d) apa-apa pelantikan dan penguatkuasaan yang dibuat di bawah Undang-Undang Kecil Termansuh hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa di bawah Undang-Undang Kecil ini, sehinggalah pelantikan atau penguatkuasaan itu dibatalkan atau disatukan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

JADUAL

[Undang-undang Kecil 8]

Caj menggunakan tandas awam	Minimum sekali masuk RM	Maksimum sekali masuk RM
Mandi	0.50	5.00
Penggunaan lain selain mandi	0.20	5.00

Dibuat pada 11 November 2015

[MPPG:UUU/2/70 Bil. (79); BIL. 9/JKPA 11/2015]

MD ZA'NAL BIN HAJI MISRAN

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Pasir Gudang

Disahkan pada 3 Jun 2015

[SUKJ.KT. 24/69 Jld. 13(10); PUNJ.PP. 950-9/UUK/8/2013(4)]

SHUBANAH BINTI YUSUF

Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan

Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
PUBLIC LAVATORIES
(PASIR GUDANG MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2016

IN exercise of the powers conferred by subsection 73 (1)(j), sections 102 and 102A of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Pasir Gudang Municipal Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following By-Laws:

Citation, application and commencement

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Public Lavatories (Pasir Gudang Municipal Council) By-Laws 2016** and shall apply only to the Pasir Gudang Municipal Council.

(2) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“Council” means Pasir Gudang Municipal Council;

“public lavatories” include any building, room or compartment erected where the public may go to defecate, urinate or cleanse himself; and

“President” means the President of the Pasir Gudang Municipal Council.

Prohibition

3. Any person who in any public lavatory is prohibited to—

(a) Commit any act of throwing any rubbish, spitting, urinating or defecating on the floor or any place except in proper receptacle provided for the respective purpose;

(b) leave the tap on after usage whether or not there is a running water supply or otherwise;

(c) damage, remove or take any equipments fixed in the lavatory;

(d) make dirty, draw, scribble, post, peel, detach items or paint anything on the wall, floor, ceiling or any fitting provided in the public lavatory;

(e) behave in a disorderly or indecent manner;

(f) leave the toilet bowl with dirt or without flushing after use;

(g) uses any image capturing device to record image in a public lavatory without the consent from the Council; or

(h) brings any animal into the public lavatory.

Conditions of use of public lavatory

4. (1) No person shall wash any article of clothing or leave them to dry in a public lavatory.

(2) No person shall lit fire or cook food, eat or sleep within the public lavatory.

(3) No person shall wash food, utensil, crockery or any container in a public lavatory.

(4) No person shall use any public lavatory as a place for storing goods.

(5) No business or trade shall be carried out in any public lavatory.

(6) No person shall bath in any public lavatory except where bathing facility provided therein.

(7) No person shall be allowed to source water supply from the public lavatory.

(8) Any person who uses the public lavatory must flush after each use of the bowl.

Power to order person out

5. Any person committing any act in contravention of any of the provisions of these By-Laws may be ordered to leave of the public lavatory by the President or any person authorized by him.

Duties of lessee

6. (1) In the event of any lavatory being leased, the lessee or the person in charge of the public lavatory shall keep the public lavatory clean and lighted to the satisfaction of the President.

(2) The lessee or person in charge of any public lavatory shall cause a copy of these By-Laws distinctly written in the national language to be continuously exhibited in a conspicuous place within the public lavatory.

(3) The lessee has no right to obstruct any officers with written authorization from the President to inspect the lavatory's cleanliness tests at any time.

Separate lavatory for different sex and disable person

7. (1) There shall be provided a separate public lavatory for different gender which shall be indicated by appropriate sign for a different sex.

(2) No person shall enter or use the lavatory of a different sex.

(3) There shall be provided a separate lavatory for the disable persons of a different sex.

Charge

8. A charge may be imposed on the use of any public lavatory as provided in the Schedule. Any person who fails to pay the prescribed charge shall be guilty of an offence.

Penalty

9. Any person who contravenes any provision of these By-Laws shall be guilty of an offence and shall, upon conviction, liable to a fine not exceeding two thousand ringgit.

Repeal

10. (1) Subjected to paragraph (2) the time when these By-Laws shall commence, the Public Lavatories By-Laws (Pasir Gudang Municipal Council) that has been gazetted under J.P.U. 7 Year 2003 (hereinafter referred to as the "Repealed By-Laws") cease to be in force and shall be repealed.

(2) Notwithstanding the provision in paragraph (1)–

- (a) no provisions in these By-Laws that impede any person from being charged or convicted under the Repealed By-Laws prior to the enforcement of these By-Laws;
- (b) any proceedings under the Repealed By-Laws that has yet to be decided prior to the enforcement of these By-Laws shall be decided under the Repealed By-Laws as if these By-Laws is not legislated;
- (c) any license that has been issued under the Repealed By-Laws shall continue to be effective and enforceable until it expires and it shall be subjected to the provisions of these By-Laws and any regulation and could be revoked under and in accordance to these By-Laws; and
- (d) any appointment and enforcement made under these Repealed By-Laws shall be enforced and enforceable under these By Laws until the appointment or enforcement be repealed or the enforcement be terminated or merged under these By-Laws.

SCHEDULE
[By-Laws 8]

Charge in using public lavatory	Minimum per entry RM	Maximum per entry RM
Shower	0.50	5.00
Use other than shower	0.20	5.00

Made this 11 November 2015
[MPPG:UUU/2/70 Bil. (79); BIL. 9/JKPA 11/2015]

MD ZA'NAL BIN HAJI MISRAN
President
Pasir Gudang Municipal Council

Confirmed this 3 June 2015
[SUKJ.KT. 24/69 Jld. 13(10); PUNJ.PP. 950-9/UUK/8/2013(4)]

SHUBANAH BINTI YUSUF
Clerk of the Executive Council
Johor

Hakcipta Pencetak ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2016
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
www.printnasiona.com.my, email.pnmbjb@printnasiona.com.my